

ANCAMAN KOMUNIS DAN ISLAMIC STATE DI MALAYSIA

53209595
ARB

Arbaiyah Jusop
Zarina Othman



ANCAMAN KOMUNIS DAN ISLAMIC STATE DI MALAYSIA

Arbaiyah Jusop
Zarina Othman

PUSTAKA PERDANA



1012945

PERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2020

<http://ukmpress.ukm.my>



Cetakan Pertama / *First Printing*, 2020
Hak cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2020

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be produced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or in any information storage and retrieval system, without prior permission in writing from the Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
<http://ukmpress.ukm.my>
e-mel: penerbit@ukm.edu.my

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA /
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / *Membership No.* 198302

Diatur huruf di Malaysia oleh / *Typeset in Malaysia by*
PANTAS SET SDN. BHD. (118872-P)
C-20-11, Zetapark, Kompleks Danau Kota
Jalan Taman Ibu Kota, Taman Ibu Kota
53300 Kuala Lumpur, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
UKM CETAK
UKM Holdings Sdn. Bhd.
Aras Bawah, Bangunan Penerbit UKM
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan /
Cataloguing-in-Publication Data

Arbaiyah Jusop

Ancaman Komunis dan *Islamic State* di Malaysia / Arbaiyah Jusop, Zarina Othman.
ISBN 978-967-412-820-3

1. *Malayan Communist Party--History.*
 2. *Communism--Malaysia--History.*
 3. *Political science--Malaysia--History.*
 4. *Terrorism--Malaysia.*
 5. *Malaysia--Politics and government.*
 6. *Government publications--Malaysia.*
- I. Zarina Othman. II. Judul.
302.53209595

302.53209595

Kandungan

Senarai Jadual & Rajah ...7

Prakata ...9

BAB 1 Persepsi Ancaman ...11

BAB 2 Komunisme Sebelum dan Selepas Perang Dingin ...33

BAB 3 Perbandingan Komunis dan *Islamic State* (IS) ...58

BAB 4 Ancaman *Islamic State* (IS) dan Keselamatan Nasional Malaysia ...99

BAB 5 Penutup ...128

Rujukan ...137

Lampiran ...145

Indeks ...149



Senarai Jadual & Rajah

JADUAL 3.1	Bentuk Asas Parti Komunis ...62
JADUAL 3.2	Konsep Tauhid ...80
JADUAL 3.3	Perbandingan antara PKM dan IS ...96
RAJAH 3.1	Struktur Organisasi PKM ...64
RAJAH 3.2	Evolusi IS 1994 - 2017 ...78
RAJAH 3.3	Struktur Organisasi IS ...82



Prakata

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadirat Ilahi kerana di atas berkat, kurniaan dan izinNya jua Buku Ancaman Komunis dan *Islamic State* (IS) di Malaysia berjaya diterbitkan oleh Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Buku ini hasil kajian daripada sebuah penulisan tesis untuk Ijazah Sarjana Sains Sosial Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM (geran SK-2020-002). Kami telah bertungkus lumus menyunting kembali keseluruhan tesis untuk dijadikan buku.

Buku ini diterbitkan sebagai rujukan kepada semua lapisan masyarakat yang ingin mendapatkan maklumat mengenai Parti Komunis Malaya (PKM) dan kumpulan penganas *Islamic State* (IS) yang mungkin sebagai persepsi ancaman keselamatan Malaysia. Ianya disusun agar pembaca dapat memahami latar belakang Komunis di peringkat global dan Malaysia; membandingkan di antara kumpulan penganas Komunis dan IS serta mengetahui ancaman IS terhadap nilai-nilai teras Malaysia dan keselamatan nasional. Dengan menggunakan konsep keselamatan nasional dan konsep sekuritisasi, buku ini membandingkan terorisme bentuk lama dan baru, kesan penganas IS serta implikasinya terhadap kestabilan sosio-politik, kesepaduan nasional dan ketenteraman awam.

Perubahan trend terorisme antarabangsa yang telah berubah semenjak berakhirnya era Perang Dingin daripada ancaman berbentuk ketenteraan atau ‘keselamatan tradisional’ kepada ancaman berbentuk bukan ketenteraan atau ‘keselamatan bukan tradisional’ menyuntik penulisan kajian ini. Perubahan teknologi dan perkembangan situasi hubungan antarabangsa telah memberikan dimensi baru kepada fenomena terorisme global. Ancaman keselamatan bentuk baru ini turut mengubah paradigma ancaman terhadap keselamatan nasional dan ketenteraman awam. Bagi memahami dengan lebih jelas mengenai ancaman keganasan dari kumpulan-kumpulan penganas bentuk lama dan baru, buku ini membandingkan kumpulan penganas PKM dengan IS.

Arbaiyah Jusop
Zarina Othman



Bab 1

Persepsi Ancaman

Pengenalan

Tamatnya Perang Dingin seolah-olah memberi laluan terorisme global yang merupakan salah satu bentuk ancaman bukan ketenteraan yang perlu diberikan perhatian oleh keselamatan sesebuah negara mahupun di peringkat antarabangsa. Hal ini berdasarkan serangan-serangan keganasan yang telah dilakukan oleh pihak teroris antarabangsa di seluruh dunia. Kejadian keganasan antarabangsa yang terjadi telah memaparkan terdapatnya kelemahan teori Realis yang menjadikan negara sebagai aktor utama dalam pentas politik hubungan antarabangsa serta menganggap peranan aktor bukan negara tidak begitu penting. Perubahan persepsi ancaman terhadap keselamatan antarabangsa dari serangan ketenteraan oleh sebuah negara ke atas negara yang lain, keselamatan tradisional telah berubah kepada ancaman 'keselamatan bukan tradisional' apabila elemen-elemen keganasan mula menjadi aktor utama.

Menurut Akhbar Satar (2015), terdapat perbezaan antara golongan militan dan teroris. Orang awam kadangkala keliru dan seringkali menggunakan istilah militan dan teroris secara bergantian sedangkan hakikatnya golongan militan dan teroris adalah berbeza. Kedua-dua puak militan dan teroris mempunyai agenda mereka yang tersendiri dan kebanyakannya mempunyai matlamat politik, agama atau ideologi. Perbezaannya terletak pada modus operandi mereka mencapai matlamat yang mereka inginkan. Pada kebiasaannya puak pengganas dan militan adalah golongan pelampau (ektremis) dalam erti kata mempunyai pandangan yang sangat ekstrem terhadap perkara-perkara yang mereka perjuangkan serta terlibat dalam kegiatan yang menyalahi undang-undang dan menjadi ancaman kepada keselamatan nasional.

Semua teroris adalah militan tetapi tidak semua militan adalah teroris. Keganasan atau terorisme dilakukan oleh kumpulan bukan kerajaan yang

tidak memakai pakaian seragam. Walau bagaimanapun, anggota militan biasanya memakai pakaian seragam dan boleh dikenalpasti melalui lambang-lambang tertentu. Penganas atau teroris akan menggunakan keganasan secara fizikal. Mereka menggunakan keganasan sebagai cara paksaan dalam mencapai matlamat politik, agama atau ideologi mereka sehingga menyebabkan kemudaratan dan kematian kepada orang yang tidak bersalah dan kerosakan maksimum terhadap harta benda. Militan boleh aktif atau tidak aktif dalam keganasan fizikal, tetapi mereka sangat agresif secara lisan atau menggunakan keganasan verbal untuk mencapai matlamat yang mereka inginkan, kerana mereka merasakan diri mereka dalam “mod perang” (ibid).

Menurut Akhbar Satar (2015) lagi, teroris biasanya menyasarkan orang awam, menimbulkan ketakutan dan kesan psikologi untuk mendapatkan perhatian pihak berkuasa. Teroris akan melakukan perbuatan ganas dengan membunuh atau menculik orang awam, para ulama, pemimpin agama dan menuntut bayaran tebusan. Sebaliknya, militan biasanya tidak menyasarkan orang awam demi memenuhi perjuangan mereka tetapi menggunakan kaedah konfrontasi atau keganasan terhadap sesuatu pertubuhan atau kerajaan atas sebab politik atau sosial. Contohnya militan boleh memilih untuk memberontak dan menggunakan keganasan bersenjata untuk pembebasan sesebuah negara. Namun, apabila puak-puak militan ini mendapati perjuangan mereka untuk mencapai sesuatu matlamat tidak berjaya, mereka boleh mengubah diri mereka untuk menjadi sebuah kumpulan penganas.

Trend terkini gerakan kumpulan penganas juga telah mengalami perubahan. Revolusi Iran pada tahun 1979, perang Afghanistan 1980 hingga 1990-an, perang di Chechnya dengan kejatuhan Soviet Union dan juga Eropah Timur yang berfahaman Komunis semasa tahun 1991 adalah antara peristiwa utama yang mempengaruhi kebangkitan gerakan Islam di seluruh dunia. Selepas tamatnya Perang Dingin 1989, fenomena keganasan melibatkan kumpulan militan Islam muncul sebagai ancaman kontemporari. Timur Tengah yang tidak pernah sunyi daripada konflik telah memberi implikasi ke atas rantau tersebut dan kumpulan penganas di sana didapati telah membentuk rangkaian di luar rantau Timur Tengah bagi mengukuhkan kuasa.

Dalam konteks rantau Asia Tenggara, gerakan kumpulan penganas Islam mulai dikesan seawal tahun 1945 semasa pimpinan Kartosuwiryo bercita-cita membentuk sebuah Negara Islam Indonesia (NII). Walaupun pada tahun 1962 kerajaan Indonesia telah menangkap dan seterusnya mengenakan hukuman penjara ke atas Kartosuwiryo, beliau dalam

masa sama berjaya membentuk rangkaian sekitar Indonesia. Salah seorang pengikut beliau iaitu Abdullah Sungkar yang telah menubuhkan kumpulan Jemaah Islamiyah (JI) di Malaysia. Selain JI terdapat juga beberapa kumpulan militan di Asia Tenggara yang lain seperti *Moro Islamic Liberation Front* (MILF) di Filipina dan *Patani United Liberation Organisation* (PULO) di Thailand yang mana agenda utama kumpulan ini adalah menuntut kemerdekaan daripada Kerajaan.

Sementara itu pergolakan di Syria sejak tahun 2011 turut memberi implikasi kepada Asia Tenggara khususnya kepada individu dan ketenteraman awam dan kumpulan pengganas sedia ada seperti JI yang mahu membentuk sebuah rangkaian negara Islam di rantau ini. Adalah dianggarkan seramai 1000 orang pejuang Islam dari Asia Tenggara telah menyertai peperangan di Syria dengan menganggotai kumpulan pengganas Al-Nusra dan Afnad Al-Sham yang seterusnya dikenali sebagai *Islamic State* (IS) (Rohan Gunaratna 2016). Perkembangan kumpulan pengganas IS telah menular sehingga ke Asia Tenggara dan telah menjalin hubungan dengan beberapa kumpulan pengganas di rantau ini terutama JI dan Kumpulan Abu Sayyaf (Zulkarnain Haron & Lailatul Afizdha 2016).

Latar Belakang

Sejak merdeka, Malaysia telah berhadapan dengan ancaman kumpulan radikal dan militan, tidak kira sama ada berasaskan agama atau tidak. Di Tanah Melayu ketika itu, Parti Komunis Malaya (PKM) mula melancarkan pemberontakan bersenjata dan bercita-cita menubuhkan Republik Komunis di tanah air dalam tahun 1948. Mulai 1948 hingga 1960, Persekutuan Tanah Melayu berada dalam tempoh darurat ekoran ancaman keganasan, subversif, pembunuhan dan penculikan terhadap Kerajaan dan orang awam. PKM menggunakan pelbagai kaedah dalam usaha menyebarkan ideologi Komunisme dan mendapatkan sokongan rakyat. Antara pendekatan yang digunapakai adalah dengan memberikan ceramah dan syarahan secara tersembunyi, menyelinap masuk ke dalam kesatuan buruh, sekolah malam dan penyebaran risalah propaganda mengenai ideologi Komunis. Namun, PKM telah berjaya dilemahkan hasil kerjasama pasukan keselamatan iaitu tentera dan polis (Mohd Razali 2011) (termasuk dari negara-negara Komanwel).

Pemberontakan bersenjata oleh pengganas PKM merupakan cabaran terbesar kepada pemerintahan kolonial British di Tanah Melayu.

Pada masa yang sama, dunia sedang menghadapi Perang Dingin dan terjadinya perpecahan kuasa-kuasa besar kepada dua pakatan kuasa yang telah membentuk perjuangan ideologi yang berbeza iaitu Komunisme dan Kapitalisme. Kerajaan British perlu mengekalkan penguasaan kapitalisme dan demokrasi Barat di Tanah Melayu dari dipengaruhi oleh kuasa komunisme yang ketika itu mendapat inspirasi daripada kejayaan Parti Komunis China (PKC) di Tanah Besar China. Sir Gerald Templer, Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu pada ketika itu telah memperhebatkan Rancangan Briggs untuk menentang komunis dan melancarkan kempen gerak saraf perang saraf ketika situasi darurat 1948 di Tanah Melayu. Hasil kejayaan Rancangan Briggs telah memberi impak kepada pengurangan aktiviti komunis dan Tanah Melayu berjaya menumpukan perhatian ke arah penambahbaikan pembangunan politik, ekonomi dan seterusnya memerdekakan Tanah Melayu.

Sebaik sahaja ancaman PKM berjaya ditangani oleh kerajaan, gelombang revolusi Islam di Asia Barat menular ke rantau Asia Tenggara bermula di Indonesia dan seterusnya menyusup masuk Malaysia. Gerakan radikal Islam telah wujud seawal tahun 1960-an melalui pertubuhan silat dan pergerakan Islam yang cenderung ke arah militan (Agus 2006). Dalam masa yang sama, telah wujud kumpulan radikal yang berhasrat menubuhkan sebuah negara Islam seperti Tentera Saibullah (1966), Kumpulan Al-Arqam (1968), Golongan Rohaniah (1971), Kumpulan Crypto (1971), Koperasi Angkatan Revolusi Islam Malaysia (1974), Kumpulan Mujahiddin Kedah (1986), Kumpulan Perjuangan Islam Perak (1986), Kumpulan Jundullah (1987), Mujahidin Perak (1986-1989), Jemaah Islamiyah (1993) dan Kumpulan Militan Islam (1995) (INTAN 2006).

Semasa zaman pemerintahan Perdana Menteri Malaysia ke-4, Tun Dr. Mahathir Mohamad (1981-2003), usaha memerangi keganasan dipertingkatkan susulan penglibatan segelintir rakyat Malaysia dalam pengeboman di Bali pada tahun 2002. Seramai 70 orang warganegara Malaysia telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana pembabitian mereka dengan kumpulan Ji dalam pengeboman tersebut. Antara langkah-langkah yang diambil adalah dengan menyekat penyaluran dana keluar negara dan menghentikan bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah agama persendirian kerana disyaki turut terlibat dengan gerakan kumpulan pengganas (Muhammad Afifi et al. 2006).

Pada 2 Mac 2013, kedaulatan negara telah diceroboh oleh sekumpulan pengganas dari Filipina yang menggelarkan diri mereka sebagai *Royal Sultanate Army* (RSA) dalam usaha mereka merampas semula

sebahagian wilayah di Pantai Timur Sabah daripada Malaysia. Peristiwa pencerobohan di Lahad Datu, Sabah tersebut telah mengorbankan seramai 9 anggota PDRM dan memberi tamparan hebat kepada negara. Ancaman kumpulan pengganas kini bukan hanya datang daripada gerakan radikal Islam dalam negara malah turut berpunca dari luar sempadan negara. (*Sinar Harian* 2013).

Terkini, konflik di rantau Timur Tengah seperti Iraq dan Syria dilihat memberikan implikasi dan pengaruh yang besar ke atas individu dan kumpulan Islam radikal di Malaysia. Ramai dalam kalangan mereka telah bertindak menyahut seruan untuk berjuang menentang musuh Islam di Timur Tengah dengan menuju ke Syria untuk menyertai IS. Rakyat Malaysia yang turut menyahut seruan tersebut dianggarkan seramai 95 orang dan sehingga Mei 2017, 31 orang daripada mereka telah disahkan terbunuh dan 8 orang telah kembali ke tanah air (*New Straits Times* 2017).

Situasi semasa di Syria yang menyaksikan kedudukan IS semakin lemah ekoran operasi ketenteraan berterusan oleh Amerika Syarikat dan sekutunya menghadirkan kemungkinan kepulangan pejuang-pejuangnya ke negara asal termasuk Malaysia. Jika berjaya menyelip masuk tanpa dikesan, mereka ini yang berfahaman Salafi Jihadi dikhuatiri akan terus berusaha menyebarkan pengaruh IS di Malaysia dengan merekrut anggota-anggota baru. Kemungkinan tersebut menjurus kepada peningkatan ancaman IS dari dalam negara terhadap keselamatan nasional.

Umumnya, objektif perjuangan teroris terdahulu berlandaskan kepada ideologi berhaluan kiri dan mempunyai ciri-ciri sekular seperti ideologi Marxisme dan Komunisme. Teroris bentuk lama masih mengamalkan unsur-unsur rundingan dalam kaedah mereka kerana kehendak kelompok pelampau ketika itu adalah lebih fokus dan spesifik. Pada tahun 1960-an sehingga akhir 1980-an, kegiatan kumpulan pengganas selalunya berada di zon-zon tertentu dan berkepentingan kepada mereka sahaja seperti tuntutan terhadap sesuatu wilayah autonomi. Puak-puak ini lebih cenderung menentukan sasaran mereka dengan teliti berpandukan kepada tujuan utama, kepentingan dan perkaitan tuntutan perjuangan mereka.

Dimensi baru ke atas fenomena terorisme global adalah impak daripada kemajuan teknologi dan perkembangan situasi hubungan antarabangsa. Kegiatan keganasan masa kini tidak hanya ke atas wilayah tertentu malah telah tersebar ke seluruh dunia rentetan kemajuan teknologi yang semakin berkembang. Ideologi ekstrem telah bergerak keluar dari wilayah yang bergolak dan menuju serta menjadi ancaman kepada negara-negara yang tidak berpengalaman dalam menangani terorisme sebelum ini. Kumpulan Jemaah Islamiyah (JI) contohnya, telah bergerak menyebarkan

fahaman mereka di rantau Asia Tenggara pada lewat tahun 1990-an. Situasi ini merupakan contoh yang terbaik dalam melihat bagaimana fenomena terorisme telah menjadi ancaman global. Ketika ini, agenda keselamatan dunia telah beralih kepada ancaman terorisme dari kumpulan *Islamic State* (IS) pula.

Bagi memahami dengan lebih jelas mengenai ancaman keganasan dari kumpulan-kumpulan pengganas bentuk lama dan baru, buku ini akan memberikan tumpuan hanya kepada 2 kumpulan pengganas yang memberikan persepsi ancaman keselamatan di Malaysia iaitu Parti Komunis Malaya (PKM) dan *Islamic State* (IS). Buku ini akan menganalisa perbandingan di antara kumpulan pengganas bentuk lama iaitu komunis dengan kumpulan pengganas bentuk baharu iaitu IS serta kesan ancamannya terhadap keselamatan nasional. Walaupun komunis sudah tidak memberikan ancaman keselamatan kepada negara, namun adalah penting untuk memahami perbezaan di antara keganasan bentuk lama dan baharu serta bagaimana ianya menjurus kepada persepsi ancaman terhadap keselamatan negara dan ketenteraman awam.

Ancaman Dahulu dan Kini

Malaysia telah berhadapan dengan banyak ancaman keganasan daripada pelbagai bentuk kumpulan pengganas sejak sebelum merdeka lagi iaitu dari zaman komunis seperti Parti Komunis Malaya (PKM), diikuti oleh Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM), al-Maunah, Jemaah Islamiyah (JI), pengganas Sulu dan terkini kumpulan pengganas IS. Kumpulan-kumpulan pengganas ini juga turut berubah daripada terorisme bentuk lama seperti komunis kepada terorisme bentuk baru seperti IS.

Ancaman dahulu berbentuk ancaman aktor negara iaitu negara menyerang negara lain. Tetapi pada masa kini ancaman bukan hanya berbentuk aktor negara tetapi berubah kepada aktor bukan negara. Ancaman keselamatan bentuk baru ini telah mengubah paradigma ancaman terhadap keselamatan negara. Komunis dan IS terdiri daripada dua bentuk entiti yang berbeza tetapi kedua-dua entiti ini telah mengancam keselamatan negara.

Terdapat tiga tema utama yang menjadi latarbelakang di dalam buku ini iaitu (1) ancaman komunis di Malaysia, (2) ancaman IS di Malaysia dan (3) ancaman terorisme di rantau Asia Tenggara.

Ancaman Komunis di Malaysia

Penulisan Md. Hashim Hussien (2001) dalam “Tentera Darat Menentang Insurgensi Komunis 1968-1989” membincangkan mengenai peranan Tentera Darat menentang Komunis selepas merdeka. Beliau memberi tumpuan kepada peranan pasukan keselamatan iaitu Tentera Darat dalam menentang insurgensi komunis mulai tahun 1968. Kajian beliau turut membicarakan tentang bagaimana strategi PKM berundur ke Selatan Thailand yang memberikan ruang dan masa untuk mereka membuat persiapan bagi meneruskan perjuangan untuk menubuhkan Republik Komunis Malaya berjaya. Ia memaparkan kegigihan Tentera Darat melawan pengganas komunis dari tahun 1968-1989 yang berakhir dengan Perjanjian Damai.

Penulis seperti Mohd Reduan Hj Aslie (1993) pula mengkaji perkembangan pemberontakan PKM dari segi strategi dan taktik-taktik yang digunakan dalam percubaan kedua gerakan komunis menjayakan pemberontakan mereka. Beliau juga mengulas mengenai sejarah perkembangan PKM pada fasa pertama dan darurat tetapi tidak secara mendalam. Tumpuan kajian lebih terfokus kepada perkembangan pemberontakan PKM selepas tahun 1960. Tindakan-tindakan Kerajaan dalam memerangi gejala komunis secara perang saraf juga ada dikaji namun tidak secara terperinci dan segala persoalan timbul seperti kenapa PKM bertindak sedemikian dan apakah kesannya terhadap Kerajaan.

Penulisan James P. Ongkili (1984) dalam Khoo Kay Kim dan Adnan Hj. Nawang (1984) mengkaji beberapa aspek PKM dan darurat. Penulis membincangkan mengenai perkembangan politik di Tanah Melayu yang melibatkan pihak British, Raja-Raja Melayu, UMNO, PUTERA-AMCJA yang bersayap kiri dan PKM. Kajian menyentuh perkaitan PKM dengan Tanah Besar China serta hubungannya dengan British. Kajian turut mengupas tentang wujudnya pertentangan ideologi di antara pihak British yang menyokong sistem demokrasi Barat dengan ideologi Komunisme yang didukung PKM. British berusaha memastikan supaya sistem demokrasinya tidak diatasi oleh ideologi Komunisme PKM. Namun tiada konsep keselamatan nasional.

Tulisan Khoo Kay Kim (1984) dalam “Gerakan Komunis di Tanah Melayu Sehingga Tertubuhnya PKM” mengkaji tentang perkembangan komunis di Tanah Melayu, gerak kerja mereka sehinggalah faktor kegagalan. Kajian memperlihatkan cubaan individu tertentu menganjurkan aktiviti berteraskan fahaman komunis dilaksanakan di Tanah Melayu.

Percubaan menyebarkan ideologi Komunis di kalangan orang Cina di Tanah Melayu telah bermula seawal 1920-an. Penerbitan Komunis dalam Bahasa Cina turut diedarkan ke Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada ketika itu. Penulisan hanya melihat bagaimana komunis masuk ke Tanah Melayu, perkembangannya dan pergerakannya di Tanah Melayu.

Ismail bin Saad (1984) melihat faktor kegagalan pemberontakan PKM disebabkan oleh strategi yang digunapakai oleh PKM di Tanah Melayu yang tidak bersesuaian. Taktik PKM mengembangkan ideologi Komunis dengan cara keganasan menjadikan mereka tidak disenangi dalam kalangan rakyat, sekaligus menambahkan lagi rasa kebencian orang ramai terhadap kumpulan pegganas ini. Dominasi masyarakat Cina ketika itu dalam PKM menimbulkan masalah perkauman dan wujud konflik antara orang Cina yang majoriti PKM dan orang Melayu yang bekerja sebagai pihak keselamatan. Perbezaan ideologi Komunis oleh Karl Marx dengan orang Melayu yang beragama Islam di samping kegagalan PKM untuk menjalinkan hubungan yang rapat dengan pertubuhan Islam di Tanah Melayu turut menjadi faktor kegagalan komunis di Tanah Melayu.

Penulisan Miller (1972) dalam "*Jungle War in Malaya*" mengkaji tentang kempen menghapuskan ancaman komunis di Malaya sewaktu zaman darurat bermula tahun 1948-1960. Bermula dengan sejarah kelahiran ideologi komunisme di Malaya, Miller seterusnya menulis tentang zaman ketika darurat serta penguatkuasaan oleh kerajaan dalam mengekang penyebaran ideologi ini. Taktik dan strategi yang digunapakai oleh PKM bagaimanapun berjaya ditumpaskan oleh pasukan keselamatan sehingga memaksa PKM untuk berundur ke selatan Thailand. Kajian tidak menumpukan impak terhadap keselamatan nasional.

Ancaman IS di Malaysia

Kajian Mohd Hizam Hanafiah dan Zamihan Mat Zin al-Ghari (2016) berkaitan bahaya IS menekankan mengapa IS perlu ditentang oleh rakyat Malaysia dan IS sebagai musuh paling merbahaya kepada umat Islam saat ini. Kumpulan pegganas ini telah menyebabkan ketakutan rakyat dan keganasan, menarik orang muda ke dalam fahaman ekstrem agama dan menjadikan orang muda ini bertukar menjadi kejam. Memandangkan pegganas IS datang dari 120 buah negara termasuk Malaysia, maka umat Islam seluruh dunia harus memahami tentang IS, bahaya, ancaman dan kerosakan IS, serta berperanan untuk mengelak lebih ramai umat Islam terpedaya dan terpengaruh dengan IS. IS terbukti telah memberi kesan

kepada agama, jiwa, akal, keturunan, harta benda apatah lagi keamanan dan keselamatan negara.

Kajian Samuel (2016) pula telah menganalisis mengenai perkembangan dan ancaman Daesh atau IS di Asia Tenggara termasuk Malaysia. Menurut kajian ini, kemungkinan rakyat Malaysia yang berperang di Syria dan Iraq untuk membawa konflik itu kembali ke Malaysia amatlah membimbangkan. Ketakutan ini berasaskan kepada tiga sebab utama. Pertama, pengalaman rakyat Malaysia yang berjuang di Syria dan Iraq akan menjadi penting, bukan hanya dari segi pengalaman di medan perang, tetapi juga prestij dan daya tarikan akibat daripada pertempuran di luar negara itu. Kedua, kemahiran dan pengetahuan teknikal yang diperolehi dalam pengendalian senjata, peperangan dan pembuatan bom, terutamanya *Improvised Explosive Devices* (IED) yang mempunyai potensi untuk memberi kesan yang besar, sekiranya mereka membuat keputusan untuk melakukan keganasan di Malaysia. Ketiga, pendedahan kepada ideologi IS dan penterjemahan berikutnya ke dalam tindakan di medan perang mungkin mempunyai signifikan dan kesan yang kekal kepada individu-individu, yang sebelum ini, tidak pernah mengetahui apatah lagi berpengalaman merasai apa yang dikatakan “*ideology in action*”.

Menurut Zul'Azmi Yaakob dan Ahmad Sunawari Long (2015), terorisme kini telah menjadi cabaran ideologi bagi umat Islam di Malaysia dalam dunia kontemporari. Kebangkitan kumpulan penganas seperti IS dan lain-lain yang mendakwa diri mereka sebagai “penjihad” dan menyebarkan jihad sebagaimana idea “Perang Suci” pada zaman pertengahan bukan hanya menyasarkan orang bukan Islam tetapi juga orang-orang Muslim. Tindakan keganasan ini telah memberikan kesan perasaan dilema dalam kalangan masyarakat Islam sama ada untuk menyokong kumpulan pelampau ini atau menentang mereka. Ini kerana kumpulan penganas ini menggambarkan diri mereka sebagai mewakili keseluruhan umat Islam sedangkan pada hakikatnya mereka hanya mewakili sekumpulan umat Islam yang kecewa. Dari perspektif Malaysia, banyak perhatian diberikan terhadap ‘isu ‘jihad’ di mana kebelakangan ini ideologi terorisme di atas nama ‘jihad’ telah banyak disebarluaskan melalui media sosial. Pengkaji turut menganalisis kesan dan cabaran ideologi kumpulan penganas dari sudut falsafah dan etika Islam.

Kajian tesis Chang (2015) menjurus kepada bagaimana kumpulan ekstremis dan penganas seperti IS menggunakan pengaruh media sosial sebagai salah satu strategi untuk merekrut ahli-ahli baru menyertai mereka. Tesis ini mengkaji beberapa teknologi media baru seperti laman web, blog, sosial media, telefon bimbit dan permainan dalam

ANCAMAN KOMUNIS DAN ISLAMIC STATE DI MALAYSIA

Trend terorisme antarabangsa telah berubah semenjak berakhirnya era Perang Dingin daripada ancaman berbentuk ketenteraan atau 'keselamatan tradisional' kepada ancaman berbentuk bukan ketenteraan atau 'keselamatan bukan tradisional'. Perubahan teknologi dan perkembangan situasi hubungan antarabangsa telah memberikan dimensi baharu kepada fenomena terorisme global. Ancaman keselamatan bentuk baharu ini turut mengubah paradigma ancaman terhadap keselamatan negara. Bagi memahami dengan lebih jelas mengenai ancaman keganasan dari kumpulan-kumpulan pengganas bentuk lama dan baharu, buku ini membandingkan pengganas PKM dengan IS secara mendalam di Malaysia.

ARBAIYAH JUSOP, MA. (UKM), berkhidmat sebagai Timbalan Setiausaha Bahagian di Kementerian Dalam Negeri (KDN), Putrajaya. ZARINA OTHMAN, PhD (Denver), bertugas sebagai Professor di Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.



<http://ukmpress.ukm.my>



 **Kinokuniya**

Ancaman Komunis dan Isla

(062)-S 09/2020
9789674128203 0439/KINOKLCC



9789674128203

MB-MBS900-0001 E0047
RM 30.00

9 "789674"128203"